



M02 – PEMANTAUAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR

Sub-Modul 1

PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

Z-009-4:2015–M02/P(1/2)

TAHAP 4

Kertas Penerangan 1

PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

ISI KANDUNGAN

- TUJUAN
- PENGENALAN
 1. PENGENALAN PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN
 2. OBJEKTIF PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA
 3. PERANCANGAN PROGRAM KESEDARAN
 4. AKTIVITI PROGRAM KESEDARAN
 5. PERLAKSANAAN, PEMNTAUAN DAN PENILAIAN PROGRAM KESEDARAN
 6. KEJAYAAN PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
 7. AKTIVITI PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN TEMPAT KERJA
 8. PEMANTAUAN OSH

PENGENALAN

- Program keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dilaksanakan di tempat kerja bukanlah satu jaminan bahawa kemalangan tidak akan berlaku. Keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah tanggung jawab semua pekerja dalam satu organisasi.
- Mengenal pasti program kesedaran dan memantau keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

1. PENGENALAN PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

- Kesedaran kesihatan dan keselamatan pekerja ialah langkah-langkah yang menyedari isu kesihatan dan keselamatan di tempat kerja serta potensi bahaya kepada semua yang terbabit dengan tempat kerja tersebut.
- Isu kesihatan dan keselamatan pekerjaan tidak hanya terhad kepada persekitaran kerja industri yang terdedah kepada bahaya tetapi juga bagi kerja pejabat yang berisiko.

1. PENGENALAN PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN (Samb.)

Hazard Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan

- Hazad Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan ialah apa-apa yang boleh menyebabkan seseorang cedera atau jatuh sakit.
- Setiap hari pekerja berdepan dengan hazard kesihatan dan keselamatan semasa melaksanakan pekerjaan atau tugas yang dipertanggungjawabkan.
- Hazad kesihatan dan keselamatan di tempat kerja agak berbeza. Oleh demikian, pekerja memerlukan latihan dan kemahiran tertentu.

1. PENGENALAN PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN (Samb.)

Hazard Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan

JENIS HAZARD KESIHATAN

Bahan
Kimia

Fizikal

Biologi

Ergonomik

JENIS HAZARD KESELAMATAN

Lantai licin

Ketinggian

Pergerakan
Objek

Penggunaan
Mesin

Kawasan
Kerja

1. PENGENALAN PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN (Samb.)

Hazard Kesihatan Dan Keselamatan Pekerja

Panduan untuk menggalakkan dan memantau kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan di tempat kerja perlu disokong oleh sumber tambahan, alat dan template untuk melaksanakan unsur-unsur teras kesihatan dan keselamatan di tempat kerja ke dalam program yang berkesan.

UNSUR MENJADIKAN PERSEKITARAN KERJA SELAMAT

Pengetahuan
dan Motivasi

Program
Kesedaran

Penguatkuasaan
Undang-undang

Siasatan dan
Rekod
Kemalangan

1. PENGENALAN PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN (Samb.)

Hazard Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan

Program kesedaran kesihatan dan keselamatan pekerjaan meliputi;

Kursus
Ulangan
Berkala

Seminar
Keselamatan
Berkala

Jurnal
Keselamatan
Berkala

Bulletin
Keselamatan

Poster
Keselamatan

1. PENGENALAN PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN (Samb.)

Hazard Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan

- OSHA adalah satu set undang-undang yang menggariskan kewajipan majikan, penyelia serta hak dan tanggungjawab pekerja.
- Ada juga Peraturan-Peraturan lain yang melengkapi OSHA. Ia termasuk latihan, amaran pada label produk dan lembaran maklumat yang tersedia.
- Pada keseluruhan OSHA dan Peraturan berkaitan adalah untuk menjaga kebajikan pekerja dari mendapat kecederaan atau penyakit di tempat kerja.

1. PENGENALAN PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN (Samb.)

Hazard Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan

Manfaat diperolehi hasil pemantauan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja.

Program kesedaran kualiti/keselamatan untuk pekerja

Peningkatan kepuasan dan keyakinan pelanggan

Sistem dan prestasi syarikat bertambah baik

2. OBJEKTIF PROGRAM KESIHATAN DAN KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA

- Objektif program keselamatan dan kesihatan adalah untuk memastikan

Mewujudkan dan melaksanakan program

Menyediakan pekerja dengan pengetahuan, sikap, nilai, komitmen

Mewujudkan hala tuju dan komitmen untuk memberi kesedaran

Mewujudkan kesedaran terhadap OSH kepada pekerja dan majikan

2. OBJEKTIF PROGRAM KESIHATAN DAN KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA (Samb.)

- Objektif program keselamatan dan kesihatan adalah untuk memastikan

Menanam sikap tanggung jawab kepada semua pekerja terhadap OSH di tempat kerja

Menjelaskan kekeliruan atau salah faham mengenai keselamatan dan kesihatan

Amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah sebahagian daripada pengukuran prestasi

Mempastikan segala peraturan dan prosedur keselamatan dan kesihatan dipatuhi

3. PERANCANGAN PROGRAM KESEDARAN

- Perancangan yang baik adalah asas kepada kejayaan Program kesedaran OSH. Perkara utama yang perlu dipertimbangkan adalah:

Sokongan dan Sumber

Mengetahui Situasi Semasa

Sasaran dan Matlamat Program

Plan Komunikasi

Anugerah dan Ganjaran

4. AKTIVITI PROGRAM KESEDARAN

- Program kesedaran OSH kepada semua pekerja dan kontraktor harus dijalankan secara tetap dan berterusan bagi menunjukkan kepentingannya didalam organisasi.

Program Latihan Pekerja

- Latihan Awal atau Orientasi
- Latihan Normal atau Latihan Ketika Bekerja
- Program Kesedaran untuk Kontraktor

Kempen Kesedaran

4. AKTIVITI PROGRAM KESEDARAN (Samb.)

Program Kesedaran

Satu kempen kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan boleh dilakukan untuk menguatkuasakan idea selamat dan sihat sebagai satu cara hidup untuk semua pihak berkepentingan utama termasuk majikan, pekerja dan wakil keselamatan. Kempen boleh dilakukan dengan cara menggunakan komunikasi massa seperti poster, kain rentang dan insentif untuk mempunyai tempat kerja yang selamat atau sifar insiden insentif.

4. AKTIVITI PROGRAM KESEDARAN (Samb.)

Program Kesedaran

- ❑ Objektif utama kempen ini adalah untuk menimbulkan kesedaran kepada pihak berkepentingan bahawa 'Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perlu Diutamakan' di dalam organisasi. Dengan ini ia dapat mengukuhkan sikap, nilai dan tindakan pekerja agar serasi dengan pembangunan mampan.

4. AKTIVITI PROGRAM KESEDARAN (Samb.)

Program Kesedaran

- ❑ Kejayaan perubahan tingkah laku terhadap OSH ini boleh menyebabkan peningkatan:-

Komunikasi

Motivasi

Patuhi
peraturan

Daya saing

Keuntungan
dan reputasi

Pencapaian
matlamat CSR

5. PERLAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROGRAM KESEDARAN

- ❑ Dalam melaksanakan program kesedaran ini, jadual yang terperinci perlu dibangunkan. Merancang program pada hari cuti atau hujung minggu dapat menarik minat pekerja, keluarga pekerja dan orang ramai untuk menyertai program ini.
- ❑ Program pemantauan dan pencegahan kemalangan secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti, menghasilkan proses kerja yang bersistematik dan bebas dari gangguan yang tidak perlu.

5. PERLAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROGRAM KESEDARAN (Samb.)

Terdapat empat teknik pencegahan kemalangan di tempat kerja

Analisa Hazard Kerja (JHA)

Analisa Keselamatan Kerja (JSO)

Program Penyelenggaraan Pencegahan (PMP)

Program Khas

Tujuan utama penilaian kesedaran program diadakan ialah:-

Mendapat meklumat untuk penambah baikkan

Justifikasi kewujudan dan belanjawan jabatan latihan

Kelangsungan program Latihan

5. PERLAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROGRAM KESEDARAN (Samb.)

Program Kawalan Hazad Kimia

Mengenal pasti hazard bahan kimia yang disimpan dan digunakan ditempat kerja

Mengadakan latihan pengendalian bahan kimia

Menyediakan tempat penyimpanan khas.

5. PERLAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROGRAM KESEDARAN (Samb.)

Program Kawalan Bunyi

- ☐ Pekerja tidak boleh terdedah kepada bunyi berterusan melebihi 90 dB (A) selama 8 jam berterusan. Dan tidak boleh terdedah pada bunyi yang melebihi tahap 140dB pada bila-bila masa.
- ☐ Program Pemuliharaan Pendengaran (HCP) adalah satu aktiviti yang dijalankan untuk melindungi dan mengekalkan pendengaran pekerja. Ini berdasarkan pada keperluan di bawah Peraturan-Peraturan 'Noise Exposure 1989'

5. PERLAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROGRAM KESEDARAN (Samb.)

Peraturan-Peraturan 'Noise Exposure 1989' iaitu

Majikan perlu sentiasa menjalankan pemantauan bunyi yang terdedah kepada pekerja

Mengawal bunyi bising

Menjalankan ujian audiometri

Mengadakan latihan dan menyimpan rekod

5. PERLAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROGRAM KESEDARAN (Samb.)

Program Kawalan Hazard Ergonomik

- ☐ Pekerja banyak terdedah kepada faktor persekitaran kerjaseperti mengangkat barangan berat, membongkok, menolak dan menarik beban berat, bekerja dalam kedudukan badan yang tak sesuai dan melaksanakan tugas-tugas yang berulang.
- ☐ Pekerja berisiko menghidap penyakit yang memberi kesan kepada otot, saraf dan tendon terutamanya pada leher, kaki dan pinggang.

5. PERLAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROGRAM KESEDARAN (Samb.)

Program Kawalan Hazard Ergonomik

- ❑ Tujuan program kawalan hazard ergonomik adalah untuk mewujudkan satu sistem kawalan bagi mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko ini di tempat kerja.
- ❑ Matlamatnya adalah untuk menjaga kebajikan, kesihatan, keselamatan, kecekapan dan produktiviti dengan menyesuaikan keperluan pekerjaan dengan kebolehan pekerja.

5. PERLAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROGRAM KESEDARAN (Samb.)

Program Kawalan Hazard Ergonomik

❑ Hasil dari program ini ialah:

Produktiviti
meningkat

Kos perubatan
pekerja
berkurangan

Kadar
ketidakhadiran
pekerja menurun

Semangat
pekerja
meningkat



5. PERLAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROGRAM KESEDARAN (Samb.)

Program Kawalan Hazard di Ruang Terkurung

- ❑ Bekerja di ruang terkurung boleh mendedahkan pekerja kepada keadaan sangat berisiko sehingga boleh menyebabkan kemalangan, penyakit, kecederaan dan kematian.
- ❑ Statistik menunjukkan banyak kemalangan maut berlaku pada pekerja yang bekerja di dalam ruang terkurung seperti bekerja tangki simpanan, kebuk tekanan, sistem pembetulan, sistem komunikasi dan sistem perparitan.

5. PERLAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROGRAM KESEDARAN (Samb.)

Elemen Program Kawalan Hazard di Ruang Terkurung

- ☐ Pengenalpastian bahaya
- ☐ Menjalankan penilaian Risiko
- ☐ Prosedur dan kawalan bahaya
- ☐ Menyediakan arahan kerja
- ☐ Menyediakan permit kerja
- ☐ Memasang papan tanda
- ☐ Menjalani latihan
- ☐ Menggunakan peralatan kerja yang sesuai
- ☐ Mempunyai alat komunikasi

6. KEJAYAAN PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Kejayaan program keselamatan dan kesihatan ditentukan oleh empat faktor utama iaitu:

Penglibatan pengurusan dan pekerja

Analisis tempat kerja

Pencegahan dan kawalan hazard (pengurusan risiko)

Latihan Keselamatan dan Kesihatan

7. AKTIVITI PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN TEMPAT KERJA

- Program kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang boleh di praktikkan di tempat kerja adalah:-

**Sistem
Pengurusan**

Audit

**Pencegahan
dan
persediaan**

Promosi

**Perbualan
'Toolbox'**

7. AKTIVITI PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN TEMPAT KERJA (samb.)

- Program kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang boleh di praktikkan di tempat kerja adalah:-

**Permit Kerja
(PTW)**

**Sistem Lock –
out – tag – out
(LOTO)**

**Pemeriksaan
Tempat Kerja**

**Penyelegaraan
(PMP)**

**Siasatan dan
Laporan
Kemalangan**

8. PEMATUHAN OSH

- *Occupational Health and Safety Management System* (OHSMS) atau Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan adalah satu pendekatan yang selaras dan sistematik untuk mengurus risiko kesihatan dan keselamatan pekerjaan. OHSMS membantu organisasi untuk terus meningkatkan prestasi keselamatan dan pematuhan pada kesihatan dan undang-undang keselamatan dan standard yang terpakai.

8. PEMATUHAN OSH (Samb.)

Pengawasan Perubatan


Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

Perancangan OSHMS

8. PEMATUHAN OSH (Samb.)

Perancangan OSHMS

Terdapat lima langkah untuk OSHMS yang berkesan, dan langkah-langkah ini membentuk satu kitaran penambahbaikan yang berterusan.





M02 – PANTAU KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR

Sub-Modul 2

PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR

Z-009-4:2015–M02/P(3/3)

TAHAP 4

Kertas Penerangan 2

PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR

ISI KANDUNGAN

- TUJUAN
- PENGENALAN
 1. PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR
 2. OBJEKTIF PROGRAM ALAM SEKITAR
 3. PROGRAM ALAM SEKITAR
 4. PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR

PENGENALAN

- Program kesedaran penjagaan alam sekitar sangat penting untuk memulihara tiga elemen penting iaitu bumi (tanah), air dan udara.
- Setiap program harus dititik beratkan dengan menetapkan tujuan, matlamat, objektif berdasarkan prinsip dan konsep pendidikan alam sekitar.

1. PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR

- Salah satu dari halangan utama dalam pengurusan alam sekitar ialah kurang pendidikan di peringkat awal.
- Pendidikan awal memainkan peranan penting dalam membentuk sikap positif terhadap alam sekitar seawal zaman kanak-kanak.
- Kesedaran alam sekitar adalah sebahagian daripada kejayaan gerakan kempen.

1.2 Pantau Kesedaran Alam Sekitar

- Status alam sekitar yang kurang baik merupakan salah satu sebab kemerosotan kesihatan.
- Ia amat melemahkan, tetapi apa yang menjurus kita berjuang bagi alam dunia yang sihat adalah untuk generasi mendatang.
- Kesedaran alam sekitar pada dasarnya berfungsi sebagai alat pendidikan, membantu orang di pelusok dunia memahami kepentingan ekonomi, estetik dan biologi memelihara sumber dan mengurangkan atau menghapuskan kesan berbahaya buatan manusia



1.3 Pendidikan Alam Sekitar

- Pendidikan alam sekitar adalah berkenaan dengan aspek-aspek tingkah laku manusia yang lebih secara langsung berkaitan dengan interaksi manusia dengan persekitaran bio-fizikal dan keupayaannya untuk memahami interaksi ini.
- Pendidikan dan penyertaan dari segenap lapisan masyarakat boleh mengubah dan meningkatkan kualiti alam sekitar.



1.4 Objektif Pendidikan Alam Sekitar

Kesedaran

Pengetahuan

Sikap

**Kemahiran
dan
Keupayaan**

Penglibatan



1.5 Matlamat Pendidikan Alam Sekitar

- Matlamat utama pendidikan alam sekitar di peringkat akar umbi adalah untuk mempengaruhi individu dan masyarakat yang memahami sifat kompleks semulajadi dan persekitaran yang dibina.

1.6 Prinsip Pendidikan Alam Sekitar

Prinsip Sumber

Penggunaan Sumber



1.7 Prinsip Tanah

- ❑ Perlindungan tanah dan penyenggaraan pertanian lestari adalah faktor penting kepada kewujudan tamadun dan penempatan.
- ❑ Hakisan tanah adalah satu kehilangan yang tidak boleh dipulihkan dan wajib dihalang.
- ❑ Perlindungan tumbuhan (rumput, hutan) adalah penting demi keseimbangan alam semulajadi dan pemuliharaan tanah, di samping sebagai sumber asli yang boleh diterokai.



1.8 Prinsip Perlindungan Hidupan Liar

- ☐ Jumlah hidupan liar penting dari segi estetika, biologi dan ekonomi.
- ☐ Kawasan simpanan semula jadi dan kawasan gurun dan hutan belantara adalah amat bernilai dalam melindungi spesies terancam kerana habitat mereka terpelihara.
- ☐ Kelangsungan hidup manusia berkait rapat dengan kehidupan binatang liar yang mana kedua-dua makhluk ini bergantung kepada sistem sokongan hidup yang sama.

1.9 Prinsip Pengurusan Alam Sekitar

Pengurusan yang bermanfaat

Pengurusan sumber yang rasional

Teknologi kitar semula dan teknologi bersih

Perkembangan teknologi dan aktiviti manusia



1.10 Lain-lain Prinsip

- ☐ Hubungan antara manusia dan persekitaran adalah diresapi oleh budaya mereka.
- ☐ Kebudayaan, sejarah dan warisan seni bina perlu dilindungi

1.11 Konsep Pendidikan Alam Sekitar

Kurikulum hendaklah berdasarkan perkara yang difikir dengan teliti dan dihurai dengan jelas akan konsep yang ingin dipelajari. Beberapa konsep penting dalam pendidikan alam sekitar mempunyai kepentingan antara-disiplin, seperti pencemaran alam sekitar, keupayaan menyimpan, ekosistem, ekologi, pemuliharaan dan sebagainya.

1.12 Kesimpulan Kesedaran Alam Sekitar

Apabila orang menyedari pentingnya pemuliharaan alam sekitar, mereka akan;

- Hidup selari dengan alam semulajadi

- Aktiviti Penanaman

- Kurangkan penggunaan plastik

- Menggunakan sumber tenaga yang konservatif

- Guna semula sumber solar, angin dan tenaga boleh diperbaharui

- Kurangkan faktor-faktor pencemaran

2. PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR DI INDUSTRI

- ❑ Pendidikan alam sekitar ialah satu proses pembelajaran yang meningkatkan pengetahuan dan kesedaran alam sekitar dan cabarannya, membangunkan kemahiran dan kepakaran untuk menangani cabaran, memupuk sikap, motivasi dan komitmen untuk mengambil tindakan yang bertanggungjawab.
- ❑ Kesedaran alam sekitar perlu dibentuk melalui pendidikan secara formal dan tidak formal dalam semua lapisan masyarakat.

3. AKTIVITI KESEDARAN ALAM SEKITAR

- Aktiviti kesedaran dan amalan pendidikan dan budaya yang boleh dilakukan oleh industri ditempat kerja bagi memulihara alam sekitar adalah:

Tanaman

Konsep 4R bagi
pengurusan sisa

Perkongsian
Kenderaan

Pengangkutan
awam

Bangunan Mesra
Alam

Penggunaan
tenaga dan bahan
mentah yang
cekap

3. AKTIVITI KESEDARAN ALAM SEKITAR (Samb.)

- ❑ Antara kaedah boleh digunakan untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar kepada masyarakat termasuklah:

Pendidikan

**Media
Massa**

**Undang -
undang**



4. PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR (PERINGKAT KEBANGSAAN)

- Disamping aktiviti kesedaran dan pendidikan yang dilakukan oleh industri pihak kerajaan juga menganjurkan beberapa program bagi menggalakkan pemuliharaan alam sekitar. Diantara program-program ini ialah:

Sambutan Minggu Alam Sekitar Kebangsaan

Menganjurkan Anugerah Langkawi

Menganjurkan Anugerah Alam Sekitar - Bandar Lestari

4. PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR (PERINGKAT KEBANGSAAN) (Samb.)

- Disamping aktiviti kesedaran dan pendidikan yang dilakukan oleh industri pihak kerajaan juga menganjurkan beberapa program bagi menggalakkan pemuliharaan alam sekitar. Diantara program-program ini ialah:

Menganjur Sekolah Bestari - Anugerah Alam Sekitar

Projek Wira Alam

Debat Alam Sekitar